



D.R. 21/99

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan Tambahan (1999) (No. 2) 1999.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun 1999

2. Maka dengan ini dibenarkan pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi enam ratus juta lapan ratus dua belas ribu lima ratus ringgit (RM600,812,500) daripada Kumpulan Wang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi perkhidmatan tahun 1999 yang tidak diperuntukkan atau yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya oleh Akta Perbekalan 1999 [Akta A1044], Akta Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999 [Akta A1047] dan Akta Perbekalan Tambahan (1999) 1999 [Akta A1063].

Rang Undang-Undang

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	3,500,000
B. 8	Jabatan Perkhidmatan Awam	195,784,800
B. 18	Kementerian Perusahaan Utama	50,300,000
B. 19	Kementerian Pertanian	9,000,000
B. 20	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	11,000,000
B. 22	Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan	150,000,000
B. 29	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	151,000,000
B. 31	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	8,485,000
B. 51	Kementerian Luar Negeri	3,746,700
B. 52	Kementerian Kerja Raya	17,996,000
	JUMLAH	<u>600,812,500</u>

 HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan peruntukan untuk mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak enam ratus juta lapan ratus dua belas ribu lima ratus ringgit (RM600,812,500) untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual bagi tahun 1999.

[PN(U)2162]